

Konstruk Pelaporan Pemikiran Isu Liberalisasi Agama Dalam Portal Berita Harian dan *The Star*

MOHD NOR SHAHIZAN ALI
AHMAD MUNAWAR ISMAIL
University Kebangsaan Malaysia
shahizan@ukm.edu.my
munawar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan teknologi telah mempengaruhi pentas penyampaian maklumat. Konstruk pelaporan sesuatu isu seperti Liberalisasi Agama turut mengalami dinamik perubahan dalam kalangan para pengamal media. Pertumbuhan portal akhbar dan trend penyampaian informasi telah menimbulkan reaksi dan tanggapan yang pelbagai dalam kalangan masyarakat Malaysia. Artikel ini mengutarakan konstruk portal akhbar *Berita Harian* dan *The Star* dalam melaporkan isu Liberalisasi Agama di Malaysia dalam mengenal pasti dinamika dan hala tuju pelaporannya. Kaedah analisis kandungan (mulai 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2015) telah digunakan dengan memberi tumpuan kepada portal akhbar *Berita Harian* dan portal akhbar *The Star*. Justifikasi pemilihan kedua-dua portal ini berdasarkan perbezaan pemilikan setiap institusi akhbar dan sasaran pembacanya. Kajian ini dapat mengenal pasti konstruk pelaporan akhbar dalam menyampaikan maklumat isu-isu Liberalisasi Agama kepada masyarakat Malaysia samada berbentuk positif, negatif atau neutral. Dapatan kajian mendapati pemilikan terhadap syarikat akhbar mampu mempengaruhi kaedah pelaporan berita sesebuah portal akhbar dalam memberi pemahaman kepada pembaca sarannya.

Kata kunci: *Konstruk pelaporan berita, Liberalisasi Agama, Perkembangan teknologi, Portal akhbar, Pemilikan akhbar.*

Issues on Religion Liberalization Reporting Constructs via *Berita Harian* and The Star Online Portal

ABSTRACT

Technological developments have affected the platform of information flow. Construct reporting on issues such as liberalization of religion has simultaneously experienced dynamic changes among media practitioners. Growth and press portal of information delivery trend has caused various reactions and responses among Malaysians. This article highlights *Berita Harian* and *The Star* portal constructs in reporting issues of liberalization of religion in Malaysia in identifying the dynamics and direction of reporting. Content analysis method (effective 1st January 2015 until 31st December 2015) was used with a focus on portal *Berita Harian* and *The Star*. Justification for the choice of both portals are based on the distinctive ownership of the newspaper and target readers. This study has identified the news reporting constructs in delegating information on the issues of liberalization of religion to society in the context of Malaysia, either positive, negative or neutral. Results showed that the effect of the ownership of newspapers can influence methods of news reporting in the attempt to make the target audience understand.

Keywords: *News reporting constructs, religious liberalization, technological developments, Portal newspaper, newspaper ownership.*

PENGENALAN

Media merupakan sumber primer yang wujud dalam konteks komunikasi massa. Agen komunikasi ini seperti akhbar, radio, televisyen dan media baru seperti telefon bimbit dan internet memainkan peranan penting kepada sesebuah masyarakat dan perkembangan tamadun umat manusia (McQuail, 2010). Penguasaan media dapat dianggap sebagai satu kuasa yang utama dalam pemerintahan sesebuah negara. Kalau dahulu media hanya dilihat sebagai suatu alat penghubung kini ia telah menjadi satu kuasa yang sangat penting sehingga muncul kata-kata seperti siapa yang menguasai media (informasi) dia yang menguasai pemerintahan (Zaharom Nain, 2002).

Secara teoritikal, maklumat yang tepat dan boleh dipercayai yang tersebar melalui media massa merupakan nadi dalam proses demokrasi. Sebagai sebuah sistem pemerintahan yang mengutamakan kebebasan dan ketelusan media dengan itu amat berperanan dalam masyarakat ini. Dalam masa yang sama, peranan media massa di sini ditentukan pula oleh proses tanggungjawab sosial ke atas masyarakat melalui penyebaran maklumat yang tepat dan jitu (Zaharom Nain, 2002).

KONVERGENSI MEDIA MASSA DI MALAYSIA

Konteks dunia hari ini menunjukkan bahawa teknologi maklumat konvensional seperti akhbar, televisyen dan radio telah menjadi agen utama kepada perhubungan dan penyebaran berita masyarakat. Namun dengan perkembangan arus globalisasi dan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) sekitar tahun 1960-an, jaringan internet mula menjadi media alternatif menggantikan yang arus perdana seperti televisyen dan radio. Internet atau lebih spesifik dikenali sebagai *World WideWeb* (www) yang ditawarkan melalui komputer telah membawa implikasi yang besar dalam perkembangan dunia komunikasi malah diklasifikasikan sebagai media baru yang pantas berkembang. Maka di sini dapat dibahagikan bahawa media massa ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu media cetak dan media elektronik (McQuail, 2010).

Perkembangan teknologi, khususnya berkaitan dengan media memberikan impak yang cukup besar dalam industri penerbitan akhbar di negara ini. Sejak dekad 1980-an dan 1990-an, teknologi yang berkembang dari semasa ke semasa telah berjaya menggabungkan sifat-sifat telekomunikasi konvensional yang bersifat *massive* dengan teknologi komputer yang bersifat interaktif (Shahrul Nazmi & Normah Mustaffa, 2015). Penggabungan kedua-dua teknologi ini telah menimbulkan suatu fenomena yang disebut konvergensi, dan melaluinya terhasil perubahan radikal dalam aspek penangan, penyediaan, pengedaran, dan pemprosesan seluruh bentuk informasi, sama ada audio, visual, dan sebagainya (Preston, 2001).

Kemunculan pelbagai saluran yang lebih interaktif melalui teknologi Internet telah mendorong berlakunya migrasi dalam kalangan khalayak, khususnya dalam konteks pengaksesan maklumat. Oleh sebab itu, peranan media konvensional sebagai platform penyampaian maklumat kepada khalayak sejak sekian lama kini berhadapan dengan persaingan daripada media baharu. Di Amerika Syarikat misalnya, jualan akhbar-akhbar utama dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini menunjukkan tanda kemerosotan yang membimbangkan. Laporan ABC negara itu yang dikeluarkan pada Julai 2009 menunjukkan bahawa akhbar *The New York Post* mengalami kemerosotan sebanyak 20.6 peratus, manakala *The Daily News* pula merosot sebanyak 14.5 peratus, dan *USA Today* merosot 7.5 peratus (ABC US, 2010)

Dalam konteks Malaysia, penggunaan teknologi media komunikasi dalam industri media telah bermula sejak awal 1980-an. Namun, pada ketika itu pengaplikasian media lebih tertumpu kepada syarikat akhbar yang menerapkan aspek pengkomputeran dalam kegiatan menulis dan menyunting berita. Sejalan dengan perkembangan teknologi media di Malaysia, munculnya media baru yang kini menjadi penghubung masyarakat Malaysia merentasi dunia global. Perkembangan teknologi ini mewujudkan sebuah dimensi penyebaran maklumat yang baru iaitu media elektronik ataupun dikenali media atas talian (Mohd. Nor Shahizan, 2015).

Data statistik terkini yang diperoleh daripada Unit Perancang Ekonomi mendapati pada suku pertama tahun 2008, jumlah langganan internet "*Dial-up*" di Malaysia memasuki angka 4 juta pengguna. Pola penggunaan internet serta peningkatan secara konsisten di Malaysia memberi andaian bahawa internet telah menjadi keperluan pada masa kini dan menjadi wadah baru bukan sahaja kepada golongan remaja, tetapi merangkumi pelbagai generasi tanpa mengira batasan usia (Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman, 2008). Sehingga hari ini, rekod pengguna khidmat ini di seluruh Malaysia sebagaimana yang telah diberitahu oleh Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia di Dewan rakyat telah mencapai lebih kurang 20 juta pengguna. Perkembangan ini didorong oleh beberapa faktor antaranya adalah pilihan harga yang lebih kompetitif berbanding beberapa tahun-tahun sebelumnya (Bernama, 2016). Isu-isu yang diutarakan melalui forum dan blog adalah berlandaskan fenomena isu semasa sama ada bersifat global mahupun tempatan. Seterusnya, partisipasi melalui medium terbabit dapat memberi impak yang signifikan ke atas perubahan pola sosio-politik dan persepsi masyarakat berkenaan sesuatu isu (Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman, 2008).

Impak penggunaan internet di Malaysia ini telah memberi kesan kepada kadar langganan akhbar bercetak berbanding langganan akhbar di atas talian. Menurut laporan Audit Beriau of Circulation Malaysia 2014 (ABC Malaysia, 2014) menunjukkan bahawa kadar jualan akhbar bercetak semakin merosot sehinggakan menjadi persoalan mengenai masa depan akhbar bercetak. Sebagai contoh, akhbar News Straits Times mencatatkan kejatuhan sebanyak 32.4 peratus diikuti oleh Harian Metro iaitu 25 peratus. Manakala bagi langganan akhbar atas talian menunjukkan peningkatan apabila akhbar digital Utusan Malaysia mencatatkan peningkatan langganan 60 peratus dan akhbar digital The Star meningkat kepada 64 peratus (Shahrul Nazmi & Normah Mustaffa, 2015). Oleh itu, proses konvergensi media di dalam industri memainkan peranan penting dan menjadi medium baharu dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Realitinya, teknik pelaporan berita tetap menggunakan pendekatan (corak) yang sama memandangkan sasaran pembaca adalah sama walaupun di atas platform yang berbeza (Potter, 2011). Jadi, konstruk pelaporan berita memainkan peranan penting dalam mencorakkan pemikiran pembaca terutamanya melibatkan isu berat seperti Liberalisasi Agama (Ahmad Munawar & Mohd. Nor Shahizan, 2013).

PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL DAN PLURALISME

Aliran pemikiran Islam Liberal dan Pluralisme agama di Malaysia dipercayai masuk daripada Indonesia. Andian Husaini (2006) menyenaraikan 50 orang tokoh Islam Indonesia yang terdiri daripada pelopor Islam Liberal seperti H. Abdul Mukti Ali, Abdurrahman Wahid dan Ahmad Wahib, Abdul Munir Mul Khan, Ahmad Syafi'e Ma'arif dan Alwi Abdurrahman Shihab,

Abd A'la, Abdul Moqsith Ghazali, Ulil Absar Abdalla, M. Luthfi Asy-Saukani dan Ahmad Fuan Fanani.

Pemikir Islam Liberal ini mendukung penyelesaian liberal kepada masalah agama dan masyarakat seperti interpretasi Islam yang mempunyai kaitan dengan demokrasi (contohnya pemikiran Abdurrahman Wahid, Nurcholish Madjid dan Abdul Munir Mulkan), hak dan emansipasi wanita (contohnya pemikiran Munawir Ahmad Wahib, Harun Nasution dan Dawam Rahardjo) dan isu-isu semasa yang lain. Mereka juga mengusulkan bahawa pemikiran Islam Liberal ini sebagai pemikiran yang menggambarkan tradisi Islam yang sebenar dan tidak menyimpang daripada agama Islam. Mereka juga mendakwa dunia Islam patut berfikir dan bertindak dengan menggunakan pendekatan penerimaan, tolak ansur dan akomodasi dengan Barat bagi menyelesaikan masalah ummah seperti dalam isu Palestin (contohnya pemikiran H. Abdul Mukti Ali dan Abdurrahman Wahid). Manakala dari segi kelembapan pembangunan yang berterusan dalam dunia Islam (contohnya pemikiran Alwi Abdurrahman Shihab) dan dari segi pernikahan beza agama (contohnya pemikiran Kautsar Azhari Neor, Siti Musdah Mulia dan Zainun Kamal). Jaringan Islam Liberal (JIL) merupakan kelompok yang paling kuat memprovokasikan pemikiran Islam Liberal dan pluralisme agama di Indonesia.

Menurut Mohd. Noor Tahir (2003) bahawa Islam Liberal merupakan satu aliran pemikiran yang mengkehendaki kepada keterbukaan berijtihad di luar batasan syariat Islam. Mohd. Noor Tahir (2003) bersetuju pejuang pemikiran Islam Liberal di Malaysia seperti ahli pertubuhan Sisters in Islam dan IFC (*Interfaith Council*) merupakan golongan profesional seperti yang berlaku di Indonesia iaitu ahli-ahli JIL seperti Ulil Absar Abdalla dan M. Luthfi Asy-Saukani yang menjawat jawatan profesional seperti pensyarah, jurutera, peguam, doktor perubatan dan sebagainya. Menurut Wan Adli Wan Ramli (2011) melalui pertubuhan seperti ini, pelbagai isu diketengahkan dan dibahaskan secara terbuka dalam seminar dan penerbitan mereka. Contohnya oleh Wan Zahidi Wan Teh (2010) sebagai wadah dalam mengembangkan dakwah mereka. Gerakan Islam Liberal sebenarnya adalah lanjutan daripada gerakan modernisme Islam yang muncul pada awal abad ke-19 di dunia Islam sebagai suatu interaksi dunia Islam dengan tamadun Barat. Modernisme Islam tersebut dipengaruhi oleh cara berfikir barat yang berasaskan kepada rasionalisme, humanisme, sekularisme dan liberalisme. Menurut al-Attas (1993), cara berfikir barat tersebut terdiri daripada lima sifat iaitu:

- i. Kebergantungan semata-mata kepada akal manusia bagi memandu kehidupan dunia.
- ii. Dualisme dalam memahami pelbagai realiti dan kebenaran. Contohnya dualisme antara akal dan jasad, dan pemisahan antara kaedah rasionalisme dan empirisme.
- iii. Penekanan kepada unsur-unsur perubahan dalam kewujudan yang mempamerkan pandangan alam (*worldview*) yang sekular.
- iv. Doktrin humanisme iaitu jelmaan ideologi sekularisme yang memusatkan penilaian segala-galanya kepada fikiran manusia.
- v. Konsep tragedi yang menyusup dalam setiap arena kehidupan baik falsafah, agama atau kesenian.

Konsep ini mencerminkan jiwa yang tidak beriman kerana kecewa dengan agama. Oleh itu, konsep ini mengakibatkan mereka asyik berpandu kepada keraguan. Dalam proses ini falsafah telah diiktiraf sebagai alat utama menuntut kebenaran yang tidak tercapai. Mohd. Farid (2015) menyatakan ciri-ciri pemikiran Islam Liberal iaitu:

- i. Rasionalisme dan Sekularisme
- ii. Penolakan terhadap syariah
- iii. Pluralisme Agama
- iv. Penolakan terhadap autoriti keagamaan
- v. Kebebasan mentafsirkan teks agama Islam
- vi. Tiada dakwaan kebenaran (fahaman relativisme)
- vii. Mempromosikan nilai Barat
- viii. Pembebasan Wanita
- ix. Mendukung demokrasi liberal sepenuhnya

Oleh sebab itu, Abdullah al-Khatib menyatakan bahawa golongan yang berfikir bebas mempunyai agenda tersembunyi iaitu:

- i. Untuk menggugurkan agama secara sepenuhnya daripada masyarakat iaitu memisahkan agama daripada pendidikan. Menjauhkan syariat Islam daripada kedudukannya sebagai sumber perundangan dan mengasaskan ekonomi di atas dasar riba.
- ii. Untuk menjauhkan fikrah atau pemikiran manusia daripada roh, wahyu dan alam ghaib dan segala ikatan dengan akhlak, akidah dan keimanan kepada Allah SWT.

Namun begitu, sarjana Islam seperti Mohd. Farid Mohd. Shahrani (2015), Ugi Suharto (2007), Mohd. Noor Tahir (2003) dan Wan Adli Wan Ramli (2011) menolak pemikiran golongan berfahaman Islam Liberal ini sebagai pemikiran yang kurang mendalam dan kurang tepat. Malah, para sarjana Islam ini mendakwa golongan berfahaman Islam Liberal ini tidak realistik dan bersifat imaginatif kerana mereka telah dipengaruhi oleh ideologi seperti modenisme, realisme, pragmatisme dan sekularisme. Menurut sarjana Islam ini lagi, pemikiran liberal ini telah menyebabkan lebih banyak berlaku kemusnahan kepada ummah berbanding dengan cabaran dari luar.

Dewan dakwah Islamiah Indonesia di bawah pimpinan Adian Husaini adalah antara kumpulan yang paling kuat menentang aliran pemikiran Islam Liberal. Kerisauan sarjana Islam ini dan birokrasi agama Islam di Malaysia seperti Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mempunyai asas yang sangat kukuh kerana indikator aliran pemikiran Islam Liberal dan Pluralisme Agama sudah kelihatan wujud di Malaysia. Selain itu di Malaysia juga, gerakan liberal mempunyai kumpulan khas yang menggunakan nama Islam Liberal, tetapi dilakukan oleh individu yang memperjuangkan demokrasi, fahaman persamaan semua agama, fahaman persamaan hak antara wanita dan lelaki (feminisme).

Usaha ini dilakukan melalui penulisan dalam akhbar atau penerbitan buku-buku yang menyokong fahaman Islam Liberal. Dalam laman web Sister in Islam (SIS) menyatakan misinya bahawa "*To promote the principles of gender, equality, freedom and dignity in Islam and empower women to be advocates for change*" (<http://www.sistersinislam.org.my>, Disember 2016). Gelombang aliran pemikiran Islam Liberal yang masuk ke dalam masyarakat Islam Malaysia ini boleh menggugat agama Islam sebagai agama Persekutuan dan institusi agama yang menjaga akidah, syariat dan akhlak orang Islam di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dianalisis secara kuantitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan terhadap bahan perhubungan media yang berjaya dikumpul daripada portal akhbar Berita Harian dan akhbar

The Star. Pemilihan kedua-dua akhbar ini berdasarkan kepada realiti kedua-dua surat khabar ini berupa sumber maklumat yang dianggap *mainstream* dalam pemberitaan di Malaysia. Tidak kurang juga, kedua-dua surat khabar ini antara sumber berita yang relevan bagi mewakili golongan pembaca di Malaysia. Berita Harian merupakan akhbar keluaran bahasa Melayu yang mendapat jumlah pembaca tertinggi (tidak mengambilkira Harian Metro dan Kosmo yang dikategorikan sebagai akhbar tabloid).

The Star pula merupakan akhbar yang mendapat jumlah jualan yang agak tinggi (tidak mengambilkira akhbar *New Straits Times*, memandangkan akhbar tersebut bernaung di bawah pentadbiran yang sama dengan Berita Harian iaitu Media Prima). Jadi, pemilihan akhbar *The Star* sebagai bahan kajian adalah mengambilkira bahawa pemilihan berita yang diterbitkan dalam *New Straits Times* lebih menyamai berita yang diterbitkan Berita Harian. Pemilihan bahan kajian iaitu akhbar Berita Harian dan *The Star* juga berdasarkan kepada premis pembaca yang membaca akhbar tersebut. Akhbar Berita Harian dipilih atas justifikasi pembacanya merupakan majoriti masyarakat Melayu beragama Islam. Akhbar *The Star* pula dipilih berlandaskan kepada premis bahawa pembaca akhbar ini merupakan majoriti bukan orang Melayu beragama Islam. Pelaporan sesuatu berita dalam sesebuah akhbar adalah amat bergantung kepada asas pembaca sesuatu akhbar tersebut (Folkerts & Stephen, 2001). Jadi, pelaporan berita yang mencakupi isu-isu Liberalisasi Agama adalah amat penting dilaporkan sebaiknya agar tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca yang pelbagai. Tema-tema berkaitan isu Liberalisasi Agama merupakan isu yang amat serius terutamanya apabila dibicarakan di dalam akhbar.

Isu Liberalisasi Agama sememangnya perlu dibincangkan dengan bijak dan perlu diberi pendedahan kepada masyarakat agar lebih memahami isu ini secara lebih mendalam. Berdasarkan objektif kajian ini, sebanyak 186 laporan telah berjaya dikumpul bermula dari 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2015. Pemilihan laporan isu-isu Liberalisasi Agama ini adalah dengan menumpukan kepada isu Liberalisasi Agama yang merangkumi empat tema definisi Liberalisasi Agama yang telah ditetapkan. Tema-tema tersebut adalah berupa laporan Islam Liberal, Pluralisme, LGBT (*Lesbian, Gay, Bisexual* dan *Transgender*) dan NGO Liberal.

Seterusnya, setiap keratan akhbar yang dikumpulkan tersebut dinilai semula oleh pakar bagi memastikan berita tersebut benar-benar mewakili tema-tema yang telah ditetapkan. Berita-berita dari kedua-dua akhbar tersebut seterusnya dipisahkan mengikut tema-tema yang telah ditetapkan. Seterusnya, setiap arah laporan berita tersebut dikenal pasti bagi menentukan arah yang digunakan dalam pelaporan berita tersebut bagi menentukan kepentingan dan justifikasi arah pelaporan berita tersebut. Analisis dapatan kajian dimasukkan ke dalam jadual dalam bentuk angka dan peratusan. Berdasarkan angka dan peratusan ini, suatu huraian deskriptif telah digunakan untuk menilai konstruk laporan media terhadap isu Liberalisasi Agama.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN HASIL KAJIAN

Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang masih dianggap baru dalam pengaplikasian akhbar digital dan media elektronik. Penggunaan aplikasi tersebut adalah sebagai wadah untuk menyuarakan pandangan serta perkongsian idea ke dalam masyarakat. Wujud beberapa faktor yang menggalakkan perkembangan akhbar digital dan media elektronik sebagai media alternatif di Malaysia.

Faktor utama yang mendorong perluasan media alternatif ini adalah akibat sekatan yang diberikan ke atas media aliran perdana. Pemilikan media aliran perdana yang di

dominasi oleh elit-elit politik yang berkepentingan membawa kepada kawalan ke atas maklumat yang disampaikan (NurAzween Zakaria & Nidzam Sulaiman 2008). Dalam konteks Malaysia, UMNO merupakan parti politik yang bernaung di bawah kerajaan persekutuan turut melabur ke atas Fleet Holdings dan Renong Bhd yang membawa kepada pemilikan bersama akhbar Utusan Melayu dan New Straits Times Press (NSTP) (NurAzween Zakaria & Nidzam Sulaiman 2008).

Jadual 1: Pemilikan media di Malaysia sehingga Oktober 2005
 (Tan & Zawawi Ibrahim, 2008).


PEMILIKAN	AKHBAR	TELEVISYEN	RADIO
UMNO	<ul style="list-style-type: none"> • Utusan Melayu, Kosmo! 	-	-
MIC	<ul style="list-style-type: none"> • Tamil Nesan, • Malaysia Nanban 	-	-
MCA	<ul style="list-style-type: none"> • The Star • Nanyang Siang Pau, • China Press 	-	<ul style="list-style-type: none"> • 988, • RedFM104.9
Dipercayai mempunyai hubungan dengan UMNO	<ul style="list-style-type: none"> • New Straits Times, • Malay Mail • Berita Harian, • Harian Metro 	<ul style="list-style-type: none"> • TV3, • Ntv7, • 8TV, • Channel 9 	<ul style="list-style-type: none"> • WaFM
Pemilikan Kerajaan Persekutuan	-	<ul style="list-style-type: none"> • TV1 • TV2 	<ul style="list-style-type: none"> • TraXX.fm, • Klasik.FM • Muzik FM, • Asyij FM, • Nasional FM, • KL FM, • Ai FM, • Minnal FM

Zaharom Nain (2002) menyatakan pengawalan pemerintah ke atas media ini amat jelas menunjukkan betapa penguasaannya begitu kuat. Hampir kesemua media perdana dikuasai oleh UMNO atau MCA ataupun MIC, terutamanya di tanah semenanjung. Zaharom memberi ulasan lanjut akan kadar perkongsian syer atau modal penerbitan ini menjelaskan lagi betapa pihak penguasa amat mencengkam bidang ini.


Kawalan ke atas media melalui pemilikan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh pemerintah dan kewujudan pengampang (*gatekeeper*) yang mengawasi arah aliran pengeluaran berita merupakan faktor dorongan kepada perkembangan blog dan internet sebagai media baru di Malaysia. Selain itu kewujudan beberapa akta yang menyekat kebebasan media tradisional seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Akta Penyiaran 1988 turut menyekat pemerluasan alam maya ini (Tan & Zawawi Ibrahim, 2008).

Implikasi kawalan media ini telah menyebabkan masyarakat lebih cenderung memilih portal dan akhbar digital sebagai sumber maklumat mereka. Hal ini sebagaimana ditunjukkan apabila syarikat *Google* dengan aplikasi *Google Trends* menunjukkan kadar carian tertinggi portal akhbar pada tahun 2015 adalah didahului oleh Malaysiakini, carian kelima tertinggi adalah Berita Harian dan carian ke lapan tertinggi adalah *The Star* dalam kadar carian akhbar digital (Rujuk rajah 1.1) (Google Trends, 2015).

Berdasarkan Rajah 1 menunjukkan bahawa carian terhadap akhbar-akhbar digital tersebut terdapat pola penurunan dan peningkatan terhadap carian. Pola bagi carian portal Malaysiakini tetap menjadi carian tertinggi walaupun terdapat penurunan peningkatan dan penurunan sepanjang tahun 2015. Manakala carian bagi akhbar digital yang lain iaitu Berita Harian, *The Star* dan Utusan Malaysia menunjukkan kadar konsisten walaupun terdapat penurunan sedikit pada sepanjang tahun 2015.



Sumber: Google Trends.



Sumber: Google Tren.

Manakala bagi Rajah 2, menunjukkan kadar carian berdasarkan kawasan-kawasan tertentu. Berdasarkan rajah tersebut kadar carian tertinggi bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah merangkumi portal serta akhbar digital Malaysiakini, Berita Harian, Utusan Malaysia dan *New Straits Times*. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula menunjukkan portal carian tertinggi adalah Malaysiakini kemudian diikuti oleh *The Star*, *New Strait Times*, Berita Harian dan Utusan Malaysia. Wilayah Persekutuan Labuan pula menunjukkan bahawa carian tertinggi adalah Berita Harian dan portal akhbar yang lain kurang mendapat

sambutan. Berdasarkan rajah tersebut menunjukkan majoriti carian bagi kawasan Wilayah Persekutuan mencatatkan portal Malaysiakini sebagai carian tertinggi. Manakala akhbar-akhbar digital arus perdana yang dipegang oleh pemerintah kurang mendapat sambutan berbanding portal yang bersifat bebas.

Hal ini mungkin disebabkan kewujudan akta yang menyekat kebebasan media sehingga masyarakat memandang bahawa kadar kebolehpercayaan terhadap media rasmi pemerintah tidak telus serta bersifat berat sebelah. Persepsi masyarakat terhadap kredibiliti syarikat dan wartawan memberi kesan kepada kepercayaan mereka terhadap sesuatu akhbar (Folkerts & Stephen, 2001). Malah kajian pada tahun 2013 mendapati bahawa golongan muda lebih mempercayai sumber dari Malaysiakini berbanding akhbar-akhbar rasmi pemerintah (Norrita Amir et al., 2013). Bahkan masyarakat beranggapan bahawa media arus perdana ini dipengaruhi oleh politik sehinggakan bersifat tidak telus (Mohd. Yahya & Md. Sidin, 2011). Ini menyebabkan masyarakat lebih memilih portal akhbar yang bersifat bebas seperti Malaysiakini dan *The Malaysian Insider* dalam mendapatkan maklumat yang tepat.

Konstruk pelaporan berita adalah suatu komponen yang penting dalam kajian mengenai pemilihan dan interpretasi berita. Konstruk pelaporan berita mempengaruhi bagaimana suatu cerita itu dipersembahkan dan seterusnya mempengaruhi persepsi khalayak dan konstruk ini sebenarnya sungguh 'berkuasa' di mana ia sering tidak sedari proses konstruksi ini sedang berlaku dan seterusnya mempengaruhi penilaian khalayak mengenai tanggunganjawab dan sebab-musabab (Potter, 2011).

Proses konstruksi ini sering dilakukan oleh pengampang (gatekeeper) yang bertanggungjawab untuk menentukan bentuk pemaparan sesebuah pemberitaan itu seterusnya menentukan agenda media kepada khalayak. Sedar atau tidak sedar, tugas pengampang ini menyebabkan media yang berlainan menonjolkan sisi atau aspek tertentu, melambakkan maklumat atau meminimumkan maklumat dalam pemberitaannya bahkan menutup sisi atau aspek tertentu daripada pandangan khalayak. Boleh dikatakan, tiada satu pun media yang memiliki sikap berkecuali dan objektif yang nyata. Media tidak akan terlepas dari bersikap berat sebelah yang berkaitan ideologi, politik, ekonomi, sosial, budaya bahkan agama (Eriyanto, 2002). Oleh itu peranan pengampang (*gatekeeper*) ini adalah penting kerana menurut McQuail (2010) komunikasi massa ialah suatu proses di mana organisasi media menghasilkan dan menyalurkan maklumat atau mesej kepada khalayak ramai dan mesej-mesej ini akan dilihat, diguna dan difahami oleh penontonnya, sekaligus mempengaruhi mereka.

Jadual 2

Portal Akhbar	Berita Harian	The Star	Jumlah
Isu-Isu	%	%	
Islam Liberal	30	47.6	63
Pluralisme	10	15.9	49
LGBT	12	19.0	63
NGO Liberal	11	17.5	11
Jumlah	63	123	186

Dalam konteks di Malaysia, Islam merupakan agama rasmi bagi negara ini. Perkara ini menyebabkan Islam turut tidak terkecuali menjadi topik perbincangan dalam laporan akhbar. Imej Islam ditonjolkan dalam pelbagai bentuk sama ada positif, negatif ataupun neutral. Dalam hal ini media di lihat berperanan dalam menonjolkan bentuk imej yang tertentu. Imej negatif seperti keganasan, fundamentalis, radikal dan militan sering di kaitkan dengan Islam. Sekatan pihak kerajaan terhadap isu-isu Liberalisasi Agama seperti Pluralisme, LGBT dan NGO-NGO Liberal turut menarik tumpuan akhbar dalam melaporkan isu terbabit.

Jadual 2 di atas adalah menunjukkan bilangan laporan yang dipilih berdasarkan tema-tema tertentu. Laporan-laporan tersebut diambil dari portal akhbar Berita Harian dan The Star. Pemilihan portal-portal akhbar tersebut berdasarkan populariti carian serta langganan akhbar berdasarkan audit ABC portal serta analisis syarikat Google.

Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat perbezaan pelaporan di antara akhbar di bawah pengaruh pihak kerajaan dan bukan kerajaan. Laporan berita yang dipilih difokuskan kepada tema Islam Liberal, Pluralisme, LGBT dan NGO Liberal mempunyai jumlah yang berbeza di antara portal-portal akhbar yang difokuskan. Bilangan laporan Berita Harian ialah 63 artikel, manakala portal akhbar The Star mengeluarkan 123 artikel.

Jika dilihat kepada pengeluaran laporan berita di antara portal Berita Harian dan The Star mengenai isu-isu Liberalisasi Agama, data mendapati bahawa peratusan portal Berita Harian adalah sebanyak 33.9 peratus (63 laporan), sementara bagi portal The Star adalah sebanyak 66.1 peratus (123 laporan). Jumlah ini hampir menghampiri peratusan pengeluaran artikel Berita Harian sepanjang tahun 2015. Perbandingan dilakukan kepada dua portal akhbar ini kerana keduanya merupakan portal akhbar yang menasarkan dua kategori pembaca yang berbeza (portal Berita Harian; majoriti orang Melayu Islam, manakala portal The Star: majoriti etnik bukan Melayu). Kemudian perbandingan dilakukan pula pada bentuk pengeluaran pelaporan sama ada dalam bentuk positif (sokongan), negatif (kritikan) dan neutral di antara kedua akhbar tersebut.

Jadual 3

Akhbar	Positif		Neutral		Negatif	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Berita Harian	-	-	33	52	30	48
The Star	26	21	79	64	18	15

Berdasarkan Jadual 3, portal akhbar Berita Harian melaporkan isu-isu Liberalisasi Agama dalam bentuk Positif (sokongan) adalah kosong peratus, laporan berbentuk Neutral adalah 52 peratus dan negatif (kritikan) adalah 48 peratus. Manakala portal akhbar The Star telah melaporkan isu-isu Liberalisasi Agama sebanyak 21 peratus berbentuk positif (sokongan), 64 peratus berbentuk neutral (bebas) dan 15 peratus berbentuk negatif (kritikan).

Data tersebut menunjukkan bahawa pelaporan dalam portal akhbar Berita Harian bersikap menolak fahaman Liberalisasi Agama dengan tidak melaporkan berita yang berbentuk positif (sokongan) terhadap Liberalisasi Agama. Bahkan 48 peratus daripada pelaporan berita adalah berbentuk negatif (kritikan) terhadap Liberalisasi Agama. Hal ini disebabkan portal akhbar Berita Harian terikat dengan polisi kerajaan yang menolak sebarang bentuk fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunnah wal Jamaah. Maka peranan pengampang berita (*gatekeeper*) dalam portal ini adalah mengikut hak pemilikan

dan polisi kerajaan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Ia juga berfungsi sebagai medium penyampaian suara kerajaan bagi memastikan kestabilan politik Malaysia.

Menurut Chermak (1995) pemaparan berita akan memberi manfaat kepada sesebuah organisasi kerana imej yang dipaparkan oleh media adalah berkaitan bagaimana sesuatu organisasi mendukung imej yang diinginkan masyarakat, menyediakan perkhidmatan dan menyelenggarakan arahan dan perlakuan organisasi terbabit. Maklumat ini penting bagi mengawal perlakuan ahli-ahli dalam organisasi terbabit dan pada masa yang sama cuba mendidik masyarakat tentang imej Islam yang sepatutnya. Kenyataan ini juga turut dibuktikan melalui kajian di barat yang mendapati berita di media menyumbang secara signifikan kepada imej positif sesuatu masyarakat (Ericson, Baranek & Chan, 1989; Wartick, 1992).

Namun, bentuk laporan yang dibuat oleh portal akhbar *The Star* terdapat perbezaan jika dibandingkan dengan portal akhbar Berita Harian. Portal akhbar *The Star* telah melaporkan 21 peratus artikel yang berbentuk positif (sokongan) terhadap isu-isu Liberalisasi Agama. Manakala 64 peratus pelaporan berita berbentuk neutral dan 15 peratus berbentuk negatif (kritikan). Berdasarkan peratusan tersebut didapati sebahagian besar pelaporan berita melalui portal *The Star* adalah berbentuk neutral yang tidak cenderung kepada mana-mana pihak dan keadaan ini menyerupai gaya laporan Berita Harian. Akan tetapi, peratusan pelaporan berita berbentuk positif adalah sebanyak 21 peratus di dalam portal *The Star* berbanding 0 peratus di dalam portal Berita Harian. Malah jumlah kritikan terhadap isu-isu Liberalisasi Agama turut berbeza iaitu 48 peratus portal Berita Harian dan 15 peratus portal *The Star*. Peratusan positif (sokongan) dan negatif (kritikan) di antara kedua portal akhbar ini menunjukkan bahawa terdapat polisi dan kaedah yang berbeza dalam bentuk pelaporan berita.

Perbezaan pemilikan memainkan peranan dalam bentuk laporan kedua-dua portal akhbar tersebut. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Rajah 1 menunjukkan bahawa pemilikan akhbar Berita Harian mempunyai kaitan dengan UMNO dan pemilikan akhbar *The Star* adalah di bawah MCA. Secara asasnya, UMNO adalah pertubuhan yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Secara tidak langsung bentuk laporan akhbar Berita Harian perlulah menjaga sensitiviti umat Islam di Malaysia di samping menjaga keseimbangan politik organisasi tersebut. Manakala pemilikan pertubuhan MCA adalah berasaskan bangsa Cina dan mempunyai kepelbagaian agama. Oleh yang demikian, kadar sensitiviti terhadap isu-isu Liberalisasi Agama kurang diambil perhatian dan lebih bersifat terbuka dalam soal agama.

Walaupun peratusan pembaca portal *The Star* adalah kurang berbanding Berita Harian, namun kaedah dan bentuk laporan portal akhbar tetap mempengaruhi pembaca. Kajian Mason (1993) melalui temu ramah dalam kalangan pengamal perhubungan awam mendapati media mempunyai kesan kuat apabila pembaca akan menganalisis dan penginterpretasi sesuatu berita daripada pandangan pihak ketiga (media) dan kemudian mereka akan menilai daripada sudut pandangan mereka sendiri. Secara tidak langsung, ini menunjukkan laporan isu-isu Liberalisasi Agama jika tidak diberi perhatian sewajarnya akan menyebabkan masyarakat terpengaruh dalam jangka masa panjang. Oleh itu, pemilikan sesuatu akhbar dan proses pelaporan berita sesuatu akhbar memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan benar.

KESIMPULAN

Perkembangan teknologi telah membawa perubahan kepada arus media massa kini. Konvergensi atau gabungan media lama dan baharu telah membawa kemajuan terhadap institusi ini. Hasil konvergensi ini telah mewujudkan portal-portal akhbar yang bersifat elektronik. Perubahan ini mampu memudahkan penyampaian maklumat kepada masyarakat bahkan juga sebagai medium informasi antara pihak kerajaan dan rakyat. Pengawasan dan pembersihan terhadap laporan-laporan akhbar adalah bertujuan mengawal maklumat yang ingin disampaikan kepada masyarakat umum. Proses ini turut berlaku dalam isu-isu Liberalisasi Agama agar ia tidak bertentangan dengan kehendak dan polisi sesebuah pemilikan itu. Walaupun telah terdapat laporan yang ke arah menyokong pemikiran Liberalisasi Agama ini, namun peratusan laporan akhbar yang berbentuk neutral dan negatif (kritikan) telah mengatasinya. Konsep laporan akhbar juga penting dalam menentukan agenda masyarakat akan datang kerana ia bersifat mempengaruhi pembaca dalam jangka masa panjang.

BIODATA PENULIS

Mohd. Nor Shahizan Ali adalah pensyarah kanan Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah penyiaran dan media literasi.

Ahmad Munawar Ismail adalah Professor Madya di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah akidah dan agama.

RUJUKAN

- ABC (2014). *Return of average of net circulation of newspaper and magazine for the period of 1 Jan 2013-31 Disember 2014*. ABC Annual Report. <http://www.abcm.org.my/>
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Nor Shahizan Ali (2011). Media Penyiaran: Implikasinya dalam Pembentukan Akhlak Penuntut-penuntut Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Akademika*, 81(3):3-8.
- Andian Husaini. 2006. *Islam Liberal: Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan dan Jawapannya*. Jakarta: Gema Insani Press
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur. ISTAC.
- Bernama. (2016). MCMC Records 20 Million Internet Users in Country. <http://www.themalaymailonline.com>. 6 Mac 2017.
- Bullock, Heather, Karen Wyche, & Wendy Williams (2001). Media Images of The Poor. *Journal of The Social Issue* 57(2): 229-246
- Chermak. S. (1995). Image Control: How Police Affect the Presentation Of Crime News. *American Journal of Police*. 14(2): 21-43
- Ericson. R. P. Baranek & J. Chan (1991). *Representing Order: Crime, Law and Justice in the News Media*. Toronto: University of Toronto Press.
- Eriyanto (2002). *Analisis Framing: Konstruksi, Ideologi dan Politik Media*, Yogyakarta: LkiS.
- Jean Folkerts, Stephen Lacy (2001). *The Media in Your Life: An Introduction to Mass Communication*. Boston
- McQuail, D. (2010). *Mass Communication Theory*. 6th Edition. London: Sage Publications.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan (2015). *Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Institut Terjemahan Buku Malaysia.

- Mohd. Hamdan Adnan (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional, *Jurnal Komunikasi Borneo* 2015 vol 2, 57-74.
- Mohd. Noor Tahir (2003). *Islam Liberal: Tafsiran Agama Yang Kian Terpesong*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd
- Mohd. Nor Shahizan Ali (2015). Kerana visual yang mengheret fitnah. *Al-Islam*. November: 50-52.
- Mohd. Yahya Mohamed Ariffin & Md Sidin Ahmad Ishak (2011). Pengaruh Persekitaran ke atas Polisi Organisasi Media Dalam Konteks Perhubungan Media di Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies* Vol. 13, No. 1, 2011 Pages 37–49
- Noor Bathi Badarudin (2002). *Dunia media moden*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Norrita Amir, Mohd. Fuad Md. Jali, Junaidi Awang Besar, Noor Aishah Abu Bakar & Siti Amani Mohd. Rahim (2013). Pengaruh Penggunaan Media Sosial Terhadap akses Sumber Maklumat dan Partisipasi serta persepsi politik di Johor. *The 7th International Conference on Malaysia- Indonesia Relations (PAHMI7)*
- Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman (2008). *Media Alternatif Sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12*. Prosiding seminar politik Malaysia, UTM. 249-260
- Potter, W.J. (2011). *Media literacy*. 5th Edition. London: SAGE Publications Ltd.
- Preston, P. (2001). *Reshaping communication*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Normah Mustaffa (2015). Akhbar Versi Digital: Implikasi Terhadap Trend Sirkulasi Akhbar Bercetak Di Malaysia, *Malaysian Journal of Communication* Jilid 31(2) 2015: 687-701
- Tan, J.E. & Zawawi Ibrahim (2008). *Bloggng and democratization in Malaysia a new civil society in the making*. Petaling Jaya: SIRD.
- Ugi Suharto (2007). *Pemikiran Islam Liberal: Perbahasan Isu-isu Sentral*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Adli Wan Ramli (2011). *Bahaya Liberalisme Dan Pluralisme Agama Terhadap Akidah Belia Muslim*. T.tt
- Wan Zahidi Wan Teh (2010). *Bahaya Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
- Wartick, Steven L. (1992). The relationship between intense media exposure and change in corporate reputation. *Business & Society*. Vol. 3 1. 33-49.
- Zaharom Nain (2002). The structure of the media industry: Implications for democracy, in F. Loh & B. T Khoo (eds) *Democracy in Malaysia: Discourses and practices*, Richmond: Curzon.